

**PENGGULUNGAN YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI
PERBAHASAN MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG BERSEMPENA
PEMBUKAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018) – DEWAN RAKYAT**

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum Warrahmatulahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli- Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab saya.

2. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa menyampaikan Titah di Dewan yang mulia ini telah menyentuh bahawa Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan pelbagai program dan projek bagi memastikan semua rakyat dapat menikmati manfaat pembangunan, selaras dengan dasar Kerajaan agar kehidupan rakyat dipertingkatkan dan kekayaan negara dikongsi secara adil dan saksama. Tema ini adalah asas kepada penggulungan saya pada hari

ini, di mana 7 isu utama telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa membahas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

PEMBANGUNAN EKONOMI BUMIPUTERA

Tuan Yang di-Pertua,

3. Seterusnya, saya beralih kepada isu yang kedua iaitu pembangunan ekonomi Bumiputera. **Ahli Yang Berhormat Jeli** dalam perbahasan beliau pada 24 Julai 2018 dan **Ahli Yang Berhormat Parit Sulong** pada 25 Julai 2018 telah menyentuh hasrat Kerajaan mengkaji semula Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Model Ekonomi Baharu (MEB) dan kedudukan agenda Bumiputera dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan serta dapat menjamin pengagihan yang adil.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DEB dan MEB telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam menuju ke arah menjadi negara maju. Namun, Kerajaan berpendirian bahawa masih terdapat ruang yang boleh ditambah baik terutama melibatkan kepentingan Bumiputera serta kaum-kaum yang lain di Malaysia supaya proses pelaksanaannya lebih telus dan bertanggungjawab. Sebagai

Kerajaan yang peduli rakyat, pengagihan ekonomi mestilah dilakukan secara adil kepada semua rakyat mengikut keperluan masing masing. Dalam langkah Kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar utama negara, pembangunan sosioekonomi orang Melayu dan Bumiputera akan tetap menjadi agenda penting tanpa meminggir kaum-kaum lain di negara ini.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar-dasar dan program untuk memperkasakan ekonomi Bumiputera akan diteruskan malah akan diperkukuhkan. Ini memandangkan pencapaian Bumiputera masih lagi rendah seperti ditunjukkan oleh indikator sosioekonomi berikut;

- (a) pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat masih tidak mencapai sasaran 30 peratus pemilikan ekuiti;
- (b) pendapatan purata isi rumah Bumiputera pada tahun 2016 adalah rendah iaitu RM6,267 berbanding bukan Bumiputera sebanyak RM8,213;
- (c) peratus kategori pekerjaan mahir dalam kalangan Bumiputera pada tahun 2017 adalah sebanyak 29.4 peratus berbanding bukan Bumiputera sebanyak 36.3 peratus; dan

(d) peratus transaksi pemilikan kediaman Bumiputera dalam pasaran primer pada tahun 2016 adalah 38.8 peratus (nilai bersamaan RM5.63 bilion) berbanding bukan Bumiputera sebanyak 56.7 peratus (nilai bersamaan RM8.23 bilion) manakala dalam jenis pemilikan komersil, peratus transaksi Bumiputera hanyalah 9.8 peratus (nilai bersamaan RM0.21 bilion) berbanding bukan Bumiputera iaitu 46 peratus (nilai bersamaan RM1.01 bilion).

6. Pada masa ini, Kerajaan sedang membuat penilaian semula ke atas usaha-usaha yang telah dijalankan serta sedang merangka strategi, inisiatif serta hala tuju baharu bagi meningkatkan lagi pembangunan ekonomi Bumiputera. Penilaian dan perancangan yang dilaksanakan adalah merangkumi strategi pertumbuhan dengan ekuiti yang menjadi tunjang dasar pengagihan untuk menghapuskan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik dalam usaha untuk memastikan tiada golongan masyarakat yang tercicir daripada arus perdana pembangunan.

7. Kerajaan juga sedang mengadakan libat urus (*engagement*) dengan agensi-agensi dan pihak berkepentingan bagi mendapatkan

input untuk merangka dan menambah baik dasar pembangunan ekonomi Bumiputera yang lebih holistik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada September ini, Kementerian akan menganjurkan Kongres masa depan Bumiputera dan negara dengan tujuan seperti berikut:

- (a) mendapatkan pandangan dan mengenal pasti cadangan hala tuju baharu berhubung usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi Bumiputera bagi mendepani cabaran ekonomi semasa dan masa hadapan;
- (b) mengenal pasti fokus bidang pertumbuhan baharu untuk diceburi berserta bantuan dan bentuk kerjasama strategik yang boleh dijalinkan bagi menyokong agenda pembangunan Bumiputera; dan
- (c) menyediakan platform untuk menghubungkan pihak berkepentingan Bumiputera dengan Kerajaan Malaysia bagi menyuarakan pandangan dan idea baharu secara konstruktif bagi memacu agenda pembangunan Bumiputera. Selain itu juga, Kongres ini juga membolehkan Kerajaan berkongsi manifestasi perubahan minda serta cadangan hala tuju baharu agenda pembaharuan ekonomi Bumiputera.

8. Selain itu, Kerajaan juga sedang meneliti semula peranan dan fungsi Kementerian serta agensi bagi memastikan penubuhannya kekal relevan serta tiada pertindihan tugas. Dalam hal ini, peranan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bersama-sama organisasi pembangunan Bumiputera (EDO) seperti Ekuiti Nasional (EKUINAS), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan yang lain akan dinilai semula untuk tujuan penyelarasan yang lebih efektif dan mencapai objektif penubuhan. Cadangan ini bagi membolehkan “the way of doing business” dalam aktiviti pembangunan ekonomi Bumiputera dapat ditambah baik dan diperkemaskan supaya holistik dan tuntas agar penyertaan Bumiputera dapat kekal signifikan dalam pembangunan ekonomi negara.

9. Manakala bagi MARA pula, Kerajaan tetap menjaga kepentingan penubuhannya untuk membangunkan usahawan berjaya dan inovatif; melahirkan modal insan global dan berintegriti; menyumbang kepada pemilikan ekuiti dan memudahkan sistem penyampaikan kepada rakyat, khususnya Bumiputera. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memastikan pengurusan MARA terus berpegang kepada prinsip urus tadbir yang baik, bagi memastikan MARA terus memainkan peranannya dalam pembangunan ekonomi dan sosial khususnya di luar Bandar.

ISU PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN DAN KESENJANGAN JURANG PENDAPATAN

Tuan Yang di-Pertua,

10. Seterusnya, saya beralih kepada isu yang kedua berkaitan pendapatan garis kemiskinan, dalam perbahasan mereka pada 24 Julai 208 **Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Lembah Pantai** yang membangkitkan perkara berkaitan dengan Paras Garis Kemiskinan (PGK).

11. Kerajaan kini dalam proses mengkaji semula model PGK yang digunakan supaya lebih realistik dalam mencerminkan kos sara hidup semasa. Kerajaan juga bersetuju bahawa PGK yang digunakan harus berdasarkan kepada lokasi geografi dan mengambil kira bilangan isi rumah, berbanding menggunakan PGK nasional secara pukol rata. Nilai PGK berdasarkan model yang telah ditambah baik akan dikeluarkan apabila laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 (*Household Income And Basic Amenities Survey Report 2019*) diterbitkan kelak.

12. **Yang Berhormat Selayang** dalam perbahasan pada 24 Julai 2018 pula membangkitkan agar Kerajaan memberi perhatian kepada masalah iaitu ketidaksamarataan pendapatan atau *income inequality*.

13. Ahli Yang Berhormat, perkara berhubung ketidaksamaan pendapatan atau *income inequality* merupakan isu nasional yang perlu ditangani secara berkesan supaya nikmat pembangunan dapat dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira jantina, kaum, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Kerajaan sedia maklum akan kedudukan ketidaksamaan pendapatan semasa yang masih kurang memuaskan dan beriltizam mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan bagi memastikan ketidaksamaan pendapatan akan dapat dikurangkan.

14. Kerajaan juga sedang melihat semula langkah-langkah bagi mengurangkan kesenjangan pendapatan di antara kumpulan berpendapatan rendah dan kumpulan berpendapatan tinggi, termasuk miskin bandar. Dalam hubungan ini, Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 – 2020 (RMKe-11) akan memperkukuh langkah-langkah bagi meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40). Inisiatif utama bagi meningkatkan pendapatan golongan ini adalah dengan memperkukuh kapasiti dan kapabiliti isi rumah B40 melalui pendidikan

dan latihan kemahiran bagi meningkatkan akses kepada pekerjaan bergaji tinggi, menggalakkan aktiviti keusahawanan seperti pembiayaan mikro kredit dan meningkatkan produktiviti. Melalui pendekatan pembangunan inklusif, tumpuan akan dipergiat bagi meningkatkan pendapatan isi rumah B40 di seluruh negara, termasuk isi rumah miskin di bandar dan luar bandar, Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak di pedalaman.

15. Pada masa yang sama, Kerajaan juga berusaha mewujudkan pembangunan yang lebih seimbang dengan membangunkan kawasan luar bandar dan wilayah ekonomi melalui penarikan masuk pelaburan serta penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas supaya rakyat di kawasan yang kurang maju mendapat peluang pekerjaan dan perniagaan. Dalam pada itu, penekanan akan turut diberikan bagi mengubah *mindset* dan sikap masyarakat supaya lebih rajin berkerja, proaktif, kreatif dan berdikari yang menjadi rahsia kejayaan rakyat di negara maju.

16. Usaha menangani ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan rakyat turut memerlukan pemantapan sistem penyampaian Kerajaan, khususnya dalam memastikan bantuan Kerajaan sampai dan memberi impak kepada kumpulan sasar. Kerajaan akan menangani isu ketirisan

ini dengan tegas. Di samping itu, mekanisme bagi mengenal pasti kumpulan sasar akan ditambah baik dengan prinsip berasaskan keperluan dan mengambil kira kos sara hidup, kedudukan geografi dan komposisi isi rumah.

ISU JURANG PEMBANGUNAN

Tuan Yang di-Pertua,

17. Bagi isu yang ketiga, **Yang Berhormat Bagan Serai [BEBAS]** dalam perbahasan pada 24 Julai 2018 membangkitkan mengenai ekonomi rakyat terpinggir akibat satu jurang yang besar yang wujud di negara kita hari ini antara bandar dan luar bandar. YB menyatakan terdapat satu bentuk ekonomi *dualism* dan kerajaan yang ada sekarang ini perlu mewujudkan apa yang dikatakan *growth for all*.

18. Kerajaan komited dalam usaha merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan luar bandar. Tumpuan Kerajaan adalah mempergiatkan pembangunan dengan meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang seterusnya akan menjana pertumbuhan dan mencipta nilai yang

yang akan memberi manfaat secara langsung kepada penduduk tempatan.

19. Di bawah RMKe-11, inisiatif untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar merupakan salah satu keutamaan Kerajaan. Penekanan diberikan untuk membangunkan kawasan luar bandar dan konurbasi bandar melalui pelbagai strategi iaitu:

- (a) memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar melalui pembinaan dan menaik taraf jalan raya, bekalan air dan elektrik serta memanfaatkan ICT untuk merangsang aktiviti sosio-ekonomi negara. Dalam hal ini, infrastruktur ICT akan ditambah baik dan diperluas bagi merealisasikan harapan Kerajaan untuk memanfaatkan ICT sebagai salah satu inisiatif strategik memperkasakan sosioekonomi luar bandar agar setaraf dengan bandar;
- (b) menambah baik rangkaian hubungan luar bandar dan bandar dengan meningkatkan kesalinghubungan dan mobiliti untuk memupuk integrasi ekonomi kedua-dua kawasan. Hubungan luar bandar dan bandar akan turut diperkukuh melalui sistem

pengangkutan yang lebih baik serta menambah baik fungsi dalam memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat.

Peranan Kerajaan Tempatan juga akan terus diperkasa;

- (c) menambah baik perkhidmatan lain seperti pendidikan, kesihatan primer dan perumahan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mengurangkan ketidakseimbangan wilayah; dan
- (d) menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta dan mewujudkan aktiviti ekonomi tempatan di luar bandar untuk menjana pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan. Inisiatif ini akan dipergiat bukan sahaja melalui usaha Kerajaan tetapi juga melalui penyertaan syarikat swasta melalui konsep tanggungjawab sosial korporat (CSR). Sehubungan itu, penyertaan syarikat swasta melalui inisiatif ini adalah sangat dialukan.

20. Pembangunan wilayah yang seimbang adalah kunci dalam mengurangkan jurang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di antara negeri-negeri yang kurang maju dengan lebih maju. Di samping itu, sinergi kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan

Negeri turut memainkan peranan penting dalam memupuk dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

21. Seterusnya **Yang Berhormat Mas Gading** membangkitkan mengenai Sabah dan Sarawak yang jauh ketinggalan dalam aspek pembangunan infrastruktur ekonomi juga sosial, terutama di kawasan luar bandar.

22. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dan mengambil berat terhadap pembangunan di seluruh negara dan sentiasa komited dalam menyediakan prasarana yang lengkap bagi memberikan kualiti hidup yang lebih baik kepada semua rakyat di negara ini, termasuk kesejahteraan rakyat di negeri Sabah dan Sarawak.

23. Dalam RMKe-11, Kerajaan terus komited dalam usaha merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Tumpuan Kerajaan adalah untuk mempergiatkan pembangunan dengan meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti serta peningkatan pelaburan yang akan memberi manfaat langsung

kepada penduduk tempatan seperti peluang pekerjaan dan keusahawanan.

24. Usaha juga giat dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti bagi memastikan penduduk di Sabah dan Sarawak mempunyai akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan. Ini termasuklah penyediaan rangkaian perhubungan seperti jalan raya dan pengangkutan awam serta infrastruktur asas lain seperti kemudahan air bersih dan terawat.

25. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk menyalurkan peruntukan pembangunan secara adil dan saksama kepada semua negeri termasuk negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang. Ini adalah selaras dengan semangat manifesto Pakatan Harapan untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan negeri mengambil alih lebih banyak tanggungjawab perbelanjaan pembangunan di peringkat negeri. Penyaluran peruntukan pembangunan ini akan dizahirkan dalam hala tuju baharu KSP, RMKe-11 yang sedang dirangka oleh Kerajaan. Insya'allah KSP ini akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2018.

26. Dalam isu yang sama, **Yang Berhormat Beaufort** meminta penjelasan mengenai projek yang ditangguhkan atau dibatalkan di Sarawak, khasnya di kawasan Beaufort di mana kepentingan orang awam yang memerlukan pembangunan projek tersebut. Hal yang sama juga dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Saratok** dalam perbahasan mereka pada 30 Julai 2018.

27. Untuk makluman, ekoran daripada masalah bebanan kewangan yang diwarisi daripada Kerajaan terdahulu, Kerajaan baharu telah menyemak semula pelaksanaan projek-projek di bawah peruntukan Belanja Pembangunan khususnya projek-projek belum mula, iaitu yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima. Bagi memastikan kesejahteraan, keselamatan dan taraf hidup rakyat terpelihara terutamanya di kawasan luar bandar, pelaksanaan projek-projek yang memberikan manfaat terus kepada rakyat (*people centric and high impact project*) seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan rumah ibadat akan diteruskan.

28. Manakala projek-projek yang ditangguhkan dan dibatalkan pula merupakan projek mega kerana kemudahan sedia ada masih dapat memenuhi keperluan rakyat.

ISU KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA

Tuan Yang di-Pertua,

29. Beralih kepada isu saya yang keempat mengenai kedudukan ekonomi negara. **Yang Berhormat Paya Lebar** dalam perbahasan pada 30 Julai 2018 telah minta Kerajaan menyatakan kedudukan ekonomi negara dan kemampuan Kerajaan baru melonjakkan prestasi ekonomi. Manakala **Yang Berhormat Ketereh** dalam perbahasan pada 24 Julai 2018 mengutarakan pertanyaan apakah sasaran yang bakal ditetapkan oleh Kerajaan.

30. Secara keseluruhannya, asas ekonomi negara serta perkembangan sektor perbankan dan kewangan negara nampak berada pada kedudukan yang stabil. Namun, sekiranya kita meneliti dengan lebih mendalam lagi, pembangunan negara tidak semata berdasarkan petunjuk kesenjangan pendapatan, di mana pekali gini pada tahun 2016 adalah 0.399, iaitu masih belum mencapai tahap pengagihan kekayaan yang adil dan saksama. Walaupun KDNK negara masih mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan yang mantap iaitu sebanyak 5.2% bagi tempoh 2011-2017, masih terdapat beberapa negeri yang tidak berkembang dengan pesat. Ketidakseimbangan pembangunan lebih

ketara jika dilihat pada paras pendapatan per kapita antara negeri. Contohnya, pendapatan purata rakyat di Kelantan kurang 67.8% (RM13,593) daripada paras purata negara iaitu RM42,228 bagi tahun 2017. Walaupun kadar kemiskinan mutlak negara telah jatuh ke paras hampir sifar, namun kadar kemiskinan di Sabah masih tinggi pada 2.9%. Walaupun kadar inflasi negara stabil dan terkawal, kos sara hidup terutamanya harga barangan keperluan dan rumah masih tinggi. Walaupun ekonomi masih berada pada tahap gunatenaga penuh dan kadar pengangguran kurang dari 4%, kadar pengangguran di kalangan belia telah mencecah 10%. Statistik terkini terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia juga menunjukkan bahawa bahagian pampasan pekerja kepada KDNK telah menurun pada tahun lepas iaitu 35.2% kepada KDNK berbanding 35.3% pada tahun 2016. Ini menunjukkan hasil pendapatan negara lebih dinikmati oleh pihak majikan berbanding dengan pekerja. Oleh itu, walaupun pada mata kasar ekonomi negara berkembang pesat, hasil pembangunan berkenaan tidak dirasakan sepenuhnya oleh semua lapisan rakyat. Justeru, Kementerian akan memberi perhatian kepada pembangunan untuk mencipta nilai ditambah yang boleh dinikmati oleh rakyat.

31. Adalah penting untuk membezakan antara aspek prestasi ekonomi benar dan aspek pembiayaan pembangunan negara. Walaupun prestasi

ekonomi pada keseluruhannya masih mantap, namun terdapat beberapa kelemahan dari segi tadbir urus dan pengurusan pembiayaan kewangan Kerajaan yang perlu ditangani dan ditambah baik agar lebih telus dan mengurangkan ketirisan. Sekiranya ia tidak ditangani segera, ia boleh menjadi punca yang akan melemahkan lagi pengurusan Kerajaan dan seterusnya memberi impak negatif ke atas ekonomi di masa hadapan.

32. Pada masa ini, Unit Perancang Ekonomi sedang menyemak semula sasaran pertumbuhan ekonomi jangka sederhana bagi penyediaan KSP RMKe-11 yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada 18 Oktober 2018. Semakan rangka kerja ekonomi makro ini akan mengambil kira maklumat terkini kedudukan ekonomi dunia serta isu dan cabaran semasa ekonomi makro termasuklah dasar kewangan negara maju utama, perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China serta ketidakstabilan harga minyak global.

33. Tumpuan dasar Kerajaan adalah untuk mengimbangi usaha pengukuhan kedudukan fiskal dan objektif pertumbuhan ekonomi bagi menangani sentimen pasaran dan pelabur serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prospek ekonomi. Mana-mana dasar yang masih relevan akan diteruskan dan ditambah baik dengan

melaksanakan beberapa inisiatif baharu yang bersesuaian. Dasar struktur dan strategi bagi menentukan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan lebih inklusif dalam KSP RMKe-11 ini akan melengkapi inisiatif Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal dan reformasi institusi.

34. Antara beberapa dasar yang sedang dirangka adalah melibatkan usaha menangani ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri, jurang antara kumpulan pendapatan terutamanya kumpulan pendapatan 40% terendah atau B40, kadar pengangguran belia yang tinggi dan peningkatan kos sara hidup. Selain itu, Kerajaan akan turut menangani cabaran struktur, seperti meningkatkan produktiviti buruh, memastikan pelaburan dan inovasi yang berkualiti dan mendorong industri untuk meningkatkan rantai nilai ke arah mencapai ekonomi yang mampan.

35. Perlu diingatkan bahawa negara mengamalkan ekonomi terbuka dan oleh itu, akan turut merasai kesan dari ketidaktentuan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh rakan dagangnya. Antara lain, dasar kewangan Amerika Syarikat (AS) yang telah diperketatkan telah menyebabkan aliran keluar modal dari negara-negara membangun termasuk Malaysia dan tekanan ke atas mata wang serantau termasuk ringgit. Sementara dasar perdagangan AS yang pandang ke dalam juga telah

menyebabkan ketidakpastian dalam pasaran barangan dan mata wang. Kesemua ini adalah di luar kawalan Kerajaan. Oleh itu, adalah amat penting bagi Kerajaan untuk menentukan sumber-sumber pertumbuhan dalam negeri dan memantapkan pengurusan fiskal supaya menangani sebarang cabaran ekonomi. Dalam perkara ini, kementerian akan memberi fokus untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang berkualiti khususnya dalam *green field investment* untuk menjana peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan, pemindahan teknologi serta R&D.

36. Mengambil kira dasar pembangunan ekonomi yang bakal diperkenalkan dan beberapa aspek penambahbaikan tadbir urus, Kerajaan yakin akan dapat menjadikan negara lebih berdaya saing dan meletakkan ekonomi negara di atas landasan yang kukuh ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang benar-benar maju dan kembali dihormati.

ISU HAB HALAL

Tuan Yang di-Pertua,

37. Seterusnya saya beralih kepada isu ke-5 berkaitan hab halal. **Yang Berhormat Tanjong Manis** telah membangkitkan dalam perbahasan pada 25 Julai 2018 bahawa Tanjong Manis merupakan kawasan hab halal yang terbesar di Malaysia. Industri halal di Malaysia dilihat unik berbanding negara-negara luar yang lain dengan kewujudan Taman-Taman Industri Halal (kawasan perindustrian khusus untuk pengusaha halal) di seluruh negara. Taman-taman halal ini dibangunkan melalui hasil inisiatif bersama daripada pelbagai badan berkaitan kerajaan dan pihak swasta dalam memperkasakan pembangunan industri halal negara. Meskipun semua taman-taman halal ini dimiliki dan diuruskan oleh pelbagai pihak berkepentingan (termasuk Kerajaan Negeri), HDC berperanan dalam menyelaras dan menyediakan garis panduan yang khusus untuk pembangunan taman halal yang dapat melengkapkan ekosistem Halal seterusnya mampu menyumbang kepada peningkatan pelaburan dari dalam dan luar negara.

38. Turut diberikan penekanan bahawa dalam menggalakkan sesuatu pelaburan itu, adalah diperlukan beberapa elemen lain yang penting seperti kemudahan infrastruktur, sumber bekalan, permintaan terhadap tenaga kerja mahir dan lain-lain.

39. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, sebanyak 14 buah Taman Industri Halal yang berstatus 'HALMAS' (akreditasi yang diberikan HDC kepada taman-taman halal yang menepati menepati kriteria dan garis panduan pembangunan yang telah ditetapkan) telah dibangunkan termasuklah Hab Halal Tanjung Manis di Sarawak. Dalam memastikan inisiatif pembangunan taman-taman halal ini dapat dijayakan sepenuhnya, pelbagai program telah dilaksanakan untuk mempromosikan taman-taman halal ini kepada para pelabur dari dalam dan luar negara. Antara program-program tersebut adalah Misi Perdagangan dan Pelaburan yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan agensi dibawahnya, Mesyuarat Rundingan Dua-Hala, Road Show Kementerian, Dialog bersama para pelabur dan operator Taman Halal dan lain-lain. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah pelaburan yang dicatatkan adalah bernilai RM13.27 billion dan sebanyak 12,766 peluang pekerjaan akan ditawarkan.

40. Dalam hal ini, HDC turut mempromosikan taman-taman halal berstatus HALMAS termasuklah Hab Halal Tanjung Manis melalui program-program yang telah dinyatakan ini. Selain itu juga, pihak HDC turut membantu dalam memberikan khidmat fasilitasi secara “one to one” berkaitan insentif halal di bawah HDC kepada para pelabur berpotensi dan sedia ada.

41. Justeru itu, pihak HDC akan sentiasa menyokong sebarang bentuk program untuk mempromosikan taman-taman halal ini dan terbuka untuk sebarang cadangan atau usaha penambahbaikan bersama demi kemajuan ekonomi negara.

ISU PEMBERIAN ROYALTI MINYAK

42. Seterusnya saya beralih kepada isu ke-6 berkaitan isu pemberian royalti petroleum yang dibangkitkan **Yang Berhormat Kubang Kerian** pada 19 Julai 2018 bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan oleh **Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Batang Sadong** dan **Yang Berhormat Beluran** dalam sesi perbahasan pada 23 Julai 2018, celahan daripada **Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang**

Berhormat Kapit dan perbahasan **Yang Berhormat Tuaran** pada 24 Julai 2018, perbahasan **Yang Berhormat Bintulu** pada 25 Julai 2018, perbahasan **Yang Berhormat Papar** dan **Yang Berhormat Puncak Borneo** pada 26 Julai 2018 serta perbahasan **Yang Berhormat Lubuk Antu, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Tumpat** dan **Yang Berhormat Kanowit** pada 30 Julai 2018.

43. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, PETRONAS adalah sebuah syarikat minyak milik negara (*national oil company*) dan bukannya *public listed company*. Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA 1974) merupakan undang-undang yang diguna pakai dan dikuatkuasakan pada masa ini bagi tujuan cari gali petroleum di seluruh Malaysia. PETRONAS diberikan hak milik eksklusif sumber petroleum negara dan diamanahkan untuk mengurus dan memajukan sumber petroleum negara termasuk mengeksplorasi, mengeksploit, mendapatkan dan memperoleh petroleum di seluruh Malaysia. Sebagaimana termaktub dalam PDA 1974, sebagai balasan PETRONAS akan memberikan bayaran tunai (*cash payment*) atau royalti kepada negeri-negeri pengeluar minyak dan gas berkenaan.

44. Pada masa ini, PETRONAS perlu membayar sebanyak 10 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar minyak dan gas (*gross production*) secara bayaran tunai (*cash payment*) atau royalti kepada Kerajaan. Daripada jumlah ini dan bergantung kepada di mana hasil tersebut dikeluarkan, sejumlah 5 peratus akan diterima masing-masing oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri-negeri berkaitan. Dalam hal ini, PETRONAS lazimnya membuat pembayaran 2 kali setahun kepada Kerajaan iaitu dalam bulan Februari dan Ogos.

45. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran tunai sejumlah 10 peratus adalah merupakan nilai kasar setong (*gross value per barrel*) pada harga pasaran dan merupakan bayaran yang dibuat tanpa perlu mengambil kira sama ada pengeluaran minyak dan gas daripada lapangan tersebut menguntungkan ataupun tidak.

46. Mengikut keadaan semasa, daripada nilai setong berkenaan, sejumlah 70 peratus daripada hasil pengeluaran kasar minyak dan gas merupakan kos pembiayaan pengeluaran (*cost recovery*) – kos explorasi, kos pembangunan pelantar dan kos operasi, yang perlu dibiayai. Kos tersebut telah mengalami peningkatan yang signifikan daripada tahun ke tahun disebabkan oleh kerumitan (*complexity*) dan risiko yang semakin tinggi dalam proses mencarigali minyak dan gas di

lautan. Bagi pengeluaran yang melibatkan lapangan laut dalam (*deepwater*), kos ini boleh mencecah sehingga 80 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar (*gross production*).

47. Selepas ditolak royalti sebanyak 10 peratus dan kos pengeluaran sekitar 70 peratus, baki sekitar 20 peratus lagi adalah keuntungan yang akan dikenakan cukai. PETRONAS dan pengusaha lain perlu membayar Cukai Pendapatan Petroliaam atau *Petroleum Income Tax Act (PITA)*. Untuk makluman, pada masa ini, PITA yang dikenakan adalah pada kadar 38 peratus daripada keuntungan kasar minyak dan gas (*gross profit*). Berdasarkan anggaran keuntungan 20 peratus, jumlah PITA yang perlu dibayar adalah dianggarkan sebanyak 8 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar.

48. Baki selebihnya iaitu sebanyak 12 peratus dari jumlah hasil pengeluaran kasar minyak dan gas ini merupakan keuntungan yang akan dikongsi bersama antara PETRONAS dan pengusaha-pengusaha lain berdasarkan perjanjian yang dimeterai bagi sesebuah kontrak pengeluaran yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

49. Sepertimana yang telah saya jelaskan pada waktu pertanyaan jawab lisan di dewan yang mulia ini pada 25 Julai 2018 yang lalu, Pakatan Harapan telah mengkaji kewajaran penambahan royalti dari hasil petroleum kepada negeri-negeri pengeluar minyak dan gas dengan memenuhi prinsip *distributive justice* atau pengagihan kekayaan yang lebih adil. Mengikut kefahaman Pakatan Harapan, cadangan menambah jumlah royalti petroleum kepada 20 peratus adalah berdasarkan keuntungan PETRONAS selepas cukai dan bukannya daripada jumlah hasil pengeluaran kasar (*gross production*). Cadangan tersebut juga adalah mengikut analisa struktur kos (*cost structure*) pengeluaran petroleum oleh PETRONAS.

50. Namun yang demikian, cadangan ini tidak dapat dilaksanakan dengan segera kerana ianya bercanggah dengan PDA 1974 kerana pengiraan yang dibuat adalah berdasarkan *gross profit* dan bukannya atas *net profit*. Oleh yang demikian, sekiranya penambahan royalti petroleum kepada 20 peratus hendak dilaksanakan, ianya memerlukan pindaan ke atas PDA 1974. Di samping itu, sekiranya PETRONAS dikehendaki menambah jumlah royalti petroleum kepada 20 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar petroleum kepada negeri-negeri pengeluar minyak, ianya akan memberi implikasi yang serius

terhadap kedudukan kewangan PETRONAS dan hasil Kerajaan Persekutuan.

51. Untuk makluman **Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kota Samarahan** dan **Yang Berhormat Limbang**, Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal berkaitan bertujuan untuk menyemak, mengkaji dan menambah baik secara adil Perjanjian Malaysia 1963 termasuk PDA 1974 dan perkaitan Sarawak Oil Mining Ordinance (OMO) 1958 di dalam perkara ini. Di antara tugas Jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji dan mencadangkan langkah-langkah pembetulan dalam beberapa hal termasuk hak Sabah dan Sarawak terhadap hasil semulajadi negara termasuk hasil minyak dan gas.

52. Walau bagaimanapun, saya nyatakan di sini bahawa buat masa ini tiada jangka masa tertentu yang spesifik ditetapkan bagi pelaksanaan usaha ini kerana ianya tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan syarat-syarat semasa yang perlu dipatuhi seperti klausa-klausa yang terkandung dalam perjanjian antara PETRONAS dengan Kerajaan Persekutuan dan PETRONAS dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

53. Saya telah pun mengadakan perbincangan dengan salah satu negeri pengeluar minyak di Semenanjung dan *engagement* akan diteruskan dengan negeri-negeri yang lain.

54. Saya juga ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat satu kes mahkamah yang difailkan pada tahun 2010 melibatkan saman oleh Kerajaan Negeri Kelantan terhadap PETRONAS yang masih belum selesai dan perlu dihormati proses undang undang yang masih berjalan.

Tuan Yang di-Pertua,

55. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang meneliti fungsi dan bidang kuasa agensi-agensi berkaitan dan berkepentingan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta PETRONAS bagi memastikan pembahagian royalti petroleum adalah adil dan telus dengan mengambil kira implikasi kewangan kepada negara termasuk kesan kepada hasil Kerajaan, industri dan rakyat. Mekanisme pembayaran royalti petroleum perlu diperhalusi oleh Kerajaan bersama PETRONAS dan akan dibincangkan

dengan negeri-negeri pengeluar minyak dan gas untuk mencapai kata sepakat.

56. Selain daripada itu, Kerajaan juga mahu memastikan isyarat yang positif diberikan kepada pelabur asing bagi mengekalkan keyakinan tinggi mereka kepada industri minyak dan gas negara. Penelitian menyeluruh PDA 1974 penting bagi mengelakkan aktiviti pengeluaran minyak dan gas PETRONAS khasnya di Sabah dan Sarawak terjejas kerana peningkatan bayaran tunai kepada 20 peratus akan memberi kesan kepada perjanjian *Production Sharing Contract (PSC)* dan *Risk Services Contract (RSC)* sedia ada antara PETRONAS dan rakan niaganya.

ISU BERKAITAN FELDA

Tuan Yang di-Pertua

57. Seterusnya izinkan saya menyentuh isu terakhir berkaitan isu FELDA yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Bagan Datuk** bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan oleh **Yang Berhormat Kubang Kerian** dalam sesi perbahasan pada 19 Julai 2018, **Yang Berhormat Tanjong Malim** pada 25 Julai 2018, **Yang Berhormat**

Pekan pada 26 Julai 2018, **Yang Berhormat Bera** dan **Yang Berhormat Jasin** pada 30 Julai 2018.

58. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka FELDA terdiri daripada tiga kategori iaitu hutang pembangunan dan tanam semula, hutang baja dan hutang sosio ekonomi. Hutang pembangunan dan tanam semula dipecahkan kepada dua komponen iaitu kos operasi ladang dan pembiayaan peneroka. Kos operasi ladang adalah kerja-kerja pertanian sebelum, semasa dan selepas menanam sehingga pokok berhasil sampai titik pulang modal.

59. Komponen pembiayaan peneroka adalah pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil yang diberikan kepada peneroka sejak tahun 1994 bagi membiayai pendapatan peneroka ketika tempoh tanam semula. Mulai Mac 2008, pinjaman sara hidup dibayar kepada peneroka RM100 seekar/bulan pada tahun pertama, RM120 seekar/bulan pada tahun kedua dan RM130 seekar/bulan pada tahun ketiga umur pokok. Pinjaman pendahuluan hasil dibayar RM140 seekar/bulan pada tahun keempat dan kelima dan RM150 seekar/bulan pada tahun keenam hingga kelapan.

60. Dalam tempoh lapan tahun, hutang pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil yang ditanggung oleh peneroka adalah sebanyak RM129,600. Hasil bagi tahun pertama hingga kelima (tahun ke-4 hingga ke-8 umur pokok) dianggarkan secara purata sebanyak 84 metrik tan/hektar atau RM151,200 pada harga buah tandan bersih (BTB) RM450/metrik tan. Dengan jumlah hasil ini dan mengambil kira kos operasi berjumlah RM84,800 serta jumlah pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil berjumlah RM129,600, baki hutang peneroka bagi tempoh 8 tahun adalah sebanyak RM63,200.

61. Jumlah hutang pembangunan dan tanam semula ini juga dikenakan faedah pada kadar 6.25% setahun dengan kaedah baki berkurangan. Kadar Faedah Efektif (EIR) bagi tempoh 15 tahun bayaran kembali yang dikenakan adalah 3.8%. Kadar faedah hanya dikira selepas tanam semula selesai dan hasil pokok telah stabil (titik pulang modal) - biasanya pada tahun ke-9 umur pokok. Walaupun pihak pengurusan FELDA mengandaikan kadar faedah yang dikenakan semasa pengiraan hutang pembangunan dan tanam semula peneroka adalah merupakan kadar yang berpatutan, Kementerian akan meneliti cadangan untuk mengecualikan faedah yang dikenakan ke atas peneroka tertakluk kepada kedudukan kewangan FELDA dan keupayaan Kerajaan untuk membiayai cadangan ini. Saya juga ingin

menarik perhatian bahawa kadar faedah yang dikenakan bukan dari tahun pertama tanam semula, tetapi hanya dikira pada tahun ke-9.

62. Hutang baja adalah kos yang dibayar oleh FELDA terlebih dahulu untuk pembelian input pertanian iaitu baja bagi operasi kebun peneroka. Manakala hutang sosioekonomi pula terdiri dari lima kategori iaitu Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA, Pinjaman Institut Pengajian Tinggi dan Pinjaman Komputer. Hutang baja dan kesemua hutang sosioekonomi tidak dikenakan kadar faedah.

63. Kesimpulannya, Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil sepanjang tempoh 8 tahun program tanam semula merupakan komponen utama kepada hutang peneroka.

64. Kementerian telah mengenal pasti punca hutang peneroka yang tinggi antaranya kelemahan pengurusan operasi ladang oleh FELDA dan agen pengurusannya iaitu Felda Technoplant Sendirian Berhad. Faktor luar kawal seperti faktor topografi (permukaan bumi) yang berbeza dan berbukit juga menyebabkan kos operasi tinggi dan penghasilan rendah seterusnya meningkatkan hutang peneroka.

65. Oleh itu, Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pengurusan baharu FELDA untuk mengatasi kelemahan pengurusan operasi ladang peneroka agar lebih efisien dan produktif. Kementerian juga mengambil maklum tentang rintihan peneroka FELDA yang terpaksa menanggung kos penyelenggaraan jalan pertanian yang turut menyumbang kepada hutang peneroka. Dalam perkara ini, Kementerian akan berbincang dengan kerajaan negeri untuk meneliti kewajaran mengambil alih penyelenggaraan jalan-jalan pertanian di negeri masing-masing. Kementerian juga memahami keluhan peneroka yang tidak mendapat geran tanam semula. Kementerian akan membincangkan dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) supaya geran ini disalurkan secara adil dan terbuka kepada semua peneroka FELDA. Usaha ini pasti akan membantu mengurangkan bebanan kewangan mereka. Kementerian juga akan membuat kajian berkaitan bekalan baja dan lain-lain input pertanian bagi kebun-kebun peneroka untuk memastikan hasil kebun yang tinggi dan seterusnya mampu mengurangkan hutang peneroka.

66. Seterusnya **Yang Berhormat Kubang Kerian** juga membangkitkan bahawa FELDA telah lari daripada fungsi asal dengan jumlah hampir 360 ribu hektar ladang FELDA yang sudah tidak lagi dimasukkan peneroka, sebagaimana tujuan asal ia dibina.

67. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1990, FELDA tidak lagi menerima kemasukan peneroka. Tanah ladang FELDA yang berbaki 360 ribu hektar ketika itu telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk diuruskan oleh FELDA sendiri bagi menampung kos pengurusan dan operasi FELDA termasuk kos-kos pembangunan sosioekonomi peneroka.

68. Bermula tahun 1996, Kerajaan tidak lagi menyalurkan dana kepada FELDA dan FELDA berdiri atas kewangannya sendiri melalui pendapatan yang diperoleh menerusi ladang tersebut selain pelaburan-pelaburan lain. Pada tahun 2012, tanah ladang ini telah dipajakan kepada FGV sewaktu penyenaiaannya di Bursa Malaysia. Ini mengakibatkan pendapatan FELDA menurun dengan drastik walaupun komitmen-komitmen terhadap peneroka tetap diteruskan.

69. **Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Bera** juga telah menyatakan terdapat aduan bahawa peneroka FELDA yang tanam semula dengan FELDA menghadapi masalah bayaran sara hidup sebanyak RM1,500 sebulan yang tidak dibayar kepada peneroka yang tidak mempunyai hasil, tidak sebagaimana sebelum ini.

70. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan mendapati bahawa FELDA sedang menghadapi masalah kedudukan aliran tunai yang tenat. Pengurusan FELDA yang baharu ini telah diarahkan agar memberi perhatian utama dalam hal ini dan mencari penyelesaian segera. Pada masa yang sama juga, FELDA sedang berusaha sedaya upaya untuk mencari jalan penyelesaian melalui penggunaan sumber kewangan sedia ada dan ia masih belum mencukupi bagi menampung komitmen kewangan sekarang ini.

71. Kerajaan memandang serius mengenai pemmasalahan dan kesukaran yang dihadapi oleh warga peneroka terutama berkaitan dengan isu pembayaran wang pinjaman sara hidup dan pinjaman pendahuluan hasil kepada warga peneroka. Kerajaan amat berharap agar semua pihak memahami situasi sukar dan amat mencabar yang sedang dihadapi oleh FELDA pada masa ini. Kerajaan sedang meneliti dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik agar masalah ini dapat diselesaikan dan tidak berulang di masa hadapan.

72. Setakat ini sahaja penjelasan saya Tuan Yang di-Pertua, terhadap isu-isu utama yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan

membangkitkan isu-isu berkenaan perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya.

73. Agensi-agensi di bawah saya di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan mengambil perhatian terhadap pelbagai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk memajukan negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam Menjunjung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.
31 Julai 2018